



## Sejarah Penubuhan dan Perkembangan *Central Lunatic Asylum Tanjong Rambutan*, 1911 Hingga 1941

Awaludin bin Ahmad<sup>1</sup>, Nordin bin Hussin<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Penyelidikan Sejarah, Politik dan Keselamatan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi.

<sup>2</sup>Pusat Penyelidikan Sejarah, Politik dan Keselamatan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi.

Correspondence Author e-mail : [awal@siswa.ukm.edu.my](mailto:awal@siswa.ukm.edu.my)

### Abstrak

Pengenalan perkhidmatan kesihatan mental oleh British merupakan salah satu kesan daripada perkembangan kemajuan sosioekonomi di Semenanjung Tanah Melayu. Makalah ini bertujuan mengupas sejarah penubuhan *Central Lunatic Asylum Tanjong Rambutan, Perak* dengan berfokus mengenai penubuhan dan perkembangan institusi rawatan penyakit mental ini. Kajian merangkumi perbincangan seperti perkembangan pentadbiran, bilangan pesakit mental dan kaedah rawatan yang dilaksanakan sehingga tercetusnya Perang Dunia Kedua pada tahun 1941. Kajian kualitatif ini dilaksanakan melalui kaedah rujukan dan interpretasi sumber primer yang terdiri daripada rekod-rekod kolonial di Arkib Negara Malaysia selain melaksanakan penyelidikan lapangan di Hospital Bahagia Ulu Kinta, Perak. Hasil kajian membuktikan penubuhan *Central Lunatic Asylum Tanjong Rambutan* pada tahun 1911 telah mengalami beberapa perkembangan sehingga tahun 1941 termasuklah aspek pentadbiran dan peningkatan bilangan pesakit mental yang menerima rawatan. Kajian juga mendapati terdapat beberapa undang-undang berkaitan masalah penyakit mental telah dikuatkuasakan bagi memastikan keberkesanaan perkhidmatan kesihatan mental di Semenanjung Tanah Melayu. Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada bidang sejarah sosial terutama dalam penulisan sejarah kesihatan era kolonial sebelum tercetusnya Perang Dunia Kedua.

Kata kunci: *Lunatic Asylum*, masalah penyakit mental, perkhidmatan kesihatan mental, pesakit mental, undang-undang, sejarah.

### Abstract

The introduction of mental health services by the British is one of the effects of socio-economic progress in the development of the Peninsula Malay. This paper seeks to explore the history of the establishment of the Central Lunatic Asylum of Tanjong Rambutan, Perak by focusing on the establishment and development of the institutional treatment of mental illness. The study includes a discussion such as the development of administration, the number of mental patients and treatment methods implemented until the outbreak of World War II in 1941. This qualitative study was conducted by the reference method and interpretation of primary sources ranging from colonial records in the National Archives in addition to implementing field research at Hospital Bahagia Ulu Kinta, Perak. The results prove the establishment of the Central Lunatic Asylum Tanjong Rambutan in 1911 has undergone a number of developments up to 1941, including from the administration and the growing number of mentally ill patients who receive treatment. The study also found that there were several laws related to the issue of mental illness that have been implemented to ensure the

effectiveness of mental health services in the Peninsula Malay. This study has contributed to the field of social history, especially in the history of health during the colonial era, before the Second World War.

Keywords: Lunatic Asylum, mental illness problems, mental health services, mental patience, law, history.

## Pendahuluan

Pengenalan perkhidmatan kesihatan mental oleh British pada awal abad ke-20 merupakan salah satu kesan daripada perkembangan sosioekonomi di Semenanjung Tanah Melayu (Lenore Manderson, 1996 & 1999). Kajian serta penulisan masalah penyakit mental dari perspektif perubatan telah dilakukan seperti kajian oleh Tan (1964) dan Jin-Inn Teoh (1972). Kajian oleh E.S. Tan contohnya berfokus mengenai analisis klinikal terhadap 200 orang pesakit mental di *Tampoi Mental Hospital*, Johor dalam tempoh antara bulan Ogos dan September 1963 dan hasil diagnosis mendapati sebahagian besar pesakit menghadapi masalah *Schizophrenia*.

Seterusnya, Mohamed Hatta Shaharom (2001) memperincikan kajian mengenai aspek-aspek perubatan dan pemulihan masalah psikiatri serta memberikan sedikit maklumat mengenai latar belakang penubuhan institusi rawatan penyakit mental Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Kajian oleh Rahamuthulla Mubarak (2003) pula mengetengahkan pandangan mengenai keberkesanan pelaksanaan polisi kesihatan mental di Malaysia melalui indikator perundangan masalah penyakit mental dan kualiti perkhidmatan. Langkah melaksanakan pemusatan perkhidmatan kesihatan mental merupakan antara cadangan yang dikemukakan bagi mengatasi masalah kelemahan sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan mental di Malaysia.

Neil Buhrich (2010) membincangkan aspek seperti kepentingan latihan sumber manusia dalam bidang psikiatri dan kemudahan rawatan pesakit-pesakit mental yang merupakan masalah utama perkhidmatan kesihatan mental di Malaysia. Manakala Sheau Tsuey Chong (2013) pula membincangkan polisi kesihatan mental, isu-isu semasa dan pembangunan pada masa akan datang berkaitan dengan aspek perkhidmatan kesihatan mental di Malaysia.

### ***Idea dan latar belakang penubuhan Central Lunatic Asylum Tanjong Rambutan***

Cadangan awal terhadap penubuhan *asylum* baharu di Semenanjung Tanah Melayu pernah dikemukakan pada tahun 1896 dan 1902, namun reaksi pentadbiran British terhadap cadangan tersebut mengecewakan. Pada awal tahun 1904, Dr. Gilmore Ellis, seorang pegawai perubatan British yang bertauliah telah mengemukakan satu laporan komprehensif kepada pentadbiran kesihatan British mengenai lawatan beliau ke *Kuala Lumpur Lunatic Asylum* dan *Taiping Lunatic Asylum* pada bulan Disember 1903. Laporan tersebut secara terperinci menggesa penubuhan sebuah *lunatic asylum* baharu memandangkan terdapat kelemahan seperti masalah keselamatan dan kesesakan pesakit mental dalam pemantauan yang dilakukan ke Kuala Lumpur dan Taiping.

Cadangan oleh Dr. Gilmore Ellis telah berjaya membuka mata pentadbiran British dan menjadi titik permulaan ke arah usaha yang lebih konsisten dan serius bagi merealisasikan pembinaan sebuah *asylum* baharu. Perkembangan ini dapat dibuktikan melalui reaksi positif *Residen Jeneral, Federated Malay States (FMS)* yang menyatakan sokongan di atas pandangan Dr. Gilmore Ellis berkaitan keperluan pembinaan *asylum* tersebut. Sokongan tersebut disuarakan melalui sepucuk surat bertarikh 20 April 1904 yang diutuskan kepada *High Commissioner, FMS* berhubung pembinaan *asylum* baharu bagi pesakit-pesakit mental. Sehubungan itu, persetujuan telah diperoleh daripada *Residen Jeneral Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)* untuk pembinaan *asylum* baharu melalui sepucuk surat bertarikh 20 Mei 1904 yang dikirimkan kepada *Acting Resident, Selangor*.

Sebagai seorang pegawai perubatan yang berpengalaman luas, Dr. Gilmore Ellis mencadangkan lokasi *asylum* baharu tersebut mestilah terletak di kawasan yang agak jauh dari bandar agar *asylum* tersebut pada masa akan datang tidak terjejas dengan proses perbandaran dan pertambahan penduduk. Selain itu, keluasan kawasan yang dipilih bagi pembinaan *asylum* perlulah mengambil kira kesesuaian agar proses pembesaran dan tambahan bangunan yang akan dilaksanakan tidak menimbulkan kerumitan. Tambahan pula, kawasan yang luas amat penting bagi membolehkan pelaksanaan aktiviti pertanian serta penternakan bagi pesakit-pesakit mental selain memikirkan pembinaan rumah-rumah kediaman untuk kakitangan *asylum*. Kriteria-kriteria tersebut perlulah diperhalusi dan diberikan pertimbangan yang serius untuk mengelakkan isu-isu yang pernah berlaku sebelum ini agar tidak berulang kembali.

Berasaskan kriteria-kriteria tersebut, langkah seterusnya ialah memulakan proses pembinaan *asylum*. Cabaran utama yang dihadapi ialah menentukan lokasi yang sesuai bagi pembinaan *asylum* tersebut. Setelah melaksanakan kajian serta tinjauan, lokasi yang sesuai telah dikenal pasti oleh *Director Public Work Department* bagi pembinaan *asylum* iaitu di sebuah kawasan belukar dan berpaya yang luas berhampiran pekan kecil Tanjong Rambutan, Perak. Kawasan tersebut mempunyai kesesuaian bentuk muka bumi terutama tanah gambut bagi menjalankan aktiviti pertanian dan persekitaran yang kondusif serta nyaman kerana dikelilingi kawasan hutan. Selain itu, kesesuaian pemilihan kawasan tersebut kemudiannya membolehkan perkhidmatan kereta api digunakan untuk urusan logistik dan memudahkan pengangkutan pesakit-pesakit mental untuk di bawa ke Tanjong Rambutan. Kesemua aspek tersebut bertepatan dengan kriteria yang telah dicadangkan oleh Dr. Gilmore Ellis pada tahun 1904. Justeru, tanah seluas 573 ekar telah diperuntukkan bagi tujuan pembinaan *asylum* iaitu 125 ekar tanah diperuntukkan untuk pembinaan bangunan wad-wad pesakit mental serta bangunan pentadbiran dan selebihnya seluas 448 ekar bagi kegunaan aktiviti pertanian dan penternakan.

Seterusnya, pentadbiran British di Perak melalui *Public Work Department* telah meluluskan sebahagian peruntukan kos pembinaan *asylum* sebanyak \$ 96 000.00 berbanding anggaran keseluruhan yang mencecah angka sebanyak \$ 544 645. 58 yang dikemukakan pada tahun 1907. Penyesuaian kos pembinaan *asylum* ini juga merupakan antara cabaran yang terpaksa dilalui bagi memastikan *asylum* ini dapat dibina dengan baik dan berkesan. Walau bagaimanapun, anggaran keseluruhan ini tidak termasuk perbelanjaan untuk sistem perparitan dan pembentungan, pembinaan jalan raya menghubungkan kawasan *asylum*, kos meratakan kawasan serta penyediaan tanah dan kos bekalan air. Perkembangan proses pembinaan *asylum* yang bermula pada tahun 1907 ini agak perlahan memandangkan masih terdapat perbincangan untuk mengurangkan kos keseluruhan pembinaan yang dianggap terlalu tinggi walaupun butir-butir terperinci mengenai perbelanjaan telah dinyatakan secara jelas dan teratur.

Justeru, cabaran yang perlu dihadapi ialah memastikan proses pembinaan *asylum* tidak tergendala berikutan dengan kekangan kewangan dan semakan semula kos keseluruhan. Halangan ini berjaya di atasi menjelang bulan Oktober 1907 setelah kos pembinaan *asylum* berkurangan menjadi \$ 461 000.00 dengan mengambil kira beberapa perubahan terhadap bangunan *asylum* yang akan dibina. Sungguhpun begitu, isu berhubung kos pembinaan *asylum* yang tinggi masih lagi kedengaran menyebabkan semakan semula perbelanjaan terpaksa dilakukan. Pada tahun 1908, kos keseluruhan berjaya dikurangkan menjadi \$ 350 000.00 dan anggaran terakhir termasuklah kos bekalan air dianggarkan berjumlah \$ 400 000.00 sahaja. Jumlah ini juga termasuk perbelanjaan sebanyak \$ 37 811.57 yang diperuntukkan untuk pembinaan kuarters bagi *Medical Superintendent* dan kakitangan *asylum* berbanding jumlah asal sebanyak \$ 38 500.00 bagi tujuan tersebut.

Perkembangan ini membuktikan kebolehan serta kemampuan *Public Work Department* dengan kerjasama jurutera A.B. Hubback dalam menghadapi pelbagai cabaran sejak peringkat awal pembinaan *asylum* dan turut memperlihatkan keazaman dan kesungguhan bagi memastikan pembinaan *asylum* ini menjadi kenyataan. Pembinaan *asylum* yang bermula pada tahun 1907 ini

telah mengambil masa sehingga lima tahun untuk disiapkan sepenuhnya. Mengikut perancangan awal, *asylum* ini dijangka boleh beroperasi pada bulan Julai 1911 tetapi ditangguhkan sehingga di buka pada 1 November 1911 dengan keupayaan untuk menampung seramai 260 orang pesakit mental.

Secara umumnya, keseluruhan kawasan *asylum* merangkumi pembinaan sebanyak tiga buah wad untuk pesakit mental lelaki manakala sebuah wad berasingan dibina untuk menempatkan pesakit mental wanita. Kapasiti tersebut membolehkan *asylum* ini bersedia menerima kemasukan pesakit-pesakit mental dari seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura. Terdapat juga sebuah blok bangunan yang terletak di bahagian tengah antara wad lelaki dan wad wanita berfungsi sebagai pejabat pentadbiran, sebuah dapur dan sebuah stor. Oleh itu, pembukaan *Central Lunatic Asylum Tanjong Rambutan* merupakan suatu kebanggaan kepada Dr. Gilmore Ellis yang terlibat secara langsung menggariskan beberapa kriteria pembinaan *asylum* agar penubuhannya mencapai tujuan 'to provide for the complete and continuous supervision of its inmates'.

## Dapatan dan Perbincangan

### ***Pentadbiran Central Lunatic Asylum Tanjong Rambutan***

Pentadbiran *asylum* baharu yang dibuka pada tahun 1911 ini diketuai Dr. William Frederick Samuels yang telah dilantik oleh pentadbiran British sebagai Penguasa Perubatan atau *Medical Superintendent* yang pertama bagi *asylum* ini. Melalui sebuah catatan bertajuk "The Story of Central Mental Hospital, Tanjong Rambutan, Federated Malay States" yang diterbitkan oleh *British Journal of Psychiatry* pada tahun 1926, beliau merakamkan detik-detik pemilihan dirinya bagi mengepalai jentera pentadbiran *asylum* tersebut, iaitu;

'In 1910 I was holding the appointment of Medical Officer and Magistrate at Anguilla in the St. Kits presidency of the Leeward Islands, British West Indies, when the Administrator one day handle me a cabel, asking if I would accept the Medical Superintendency of the "Central Lunatic Asylum," Tanjong Rambutan, Perak, Federated Malay States. Fortunately the cable explained that Tanjong Rambutan was in the Federated Malay States, as neither he nor I had the slightest idea where it was. I left St. Kits a month later, and arrive in Singapore on January 28, 1911, to find that the asylum was not nearly completed. It was not until November 1, 1911, that we actually took in our first case.'

Justeru, beliau memperkenalkan beberapa langkah untuk meningkatkan fungsi *asylum* termasuklah berkaitan dengan aspek pengurusan, rawatan dan pemulihan pesakit mental serta pembangunan personel merangkumi latihan perubatan dan kejururawatan dalam bidang psikiatri. Beliau dibantu oleh tiga orang doktor Eropah dan pada tahun 1919, Dr. J.A. Taylor telah dilantik sebagai *Assistant Medical Superintendent*.<sup>1</sup> Beliau merupakan mantan *Medical Officer* selama empat tahun tujuh bulan di Uganda dan pengalaman tersebut membantu kelancaran pentadbiran serta pengurusan *asylum*.

Memandangkan terdapat sebuah wad pesakit mental wanita pada tahun 1911, maka pengurusan wad tersebut diletakkan di bawah tanggungjawab seorang *Matron* dari India iaitu Miss Joseph dengan dibantu oleh tiga orang jururawat psikiatri terlatih. Manakala bagi wad pesakit mental lelaki pula diletakkan di bawah pengawasan seorang Inspektor iaitu Mr. Saw Ah Fatt dan kemudiannya digantikan oleh Mr. S. Kanapathypillai serta seramai lima orang pembantu hospital (*Dressers*) yang membantu urusan penjagaan dan pengawasan pesakit-pesakit mental lelaki. Pentadbiran *asylum* turut merangkumi seorang kerani dan penjaga stor manakala seorang penyelia

ladang (*Farm Superintendent*) iaitu Mr. Saravanamuthu berperanan membuat pemantauan aktiviti pertanian di ladang-ladang hospital dengan dibantu oleh beberapa orang pekerja tempatan.

Justeru, hasil sokongan dan bantuan kakitangan perubatan serta pengurusan kepada Dr. W.F. Samuels, pentadbiran *asylum* dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Beliau turut memfokuskan usaha-usaha memperkasa aspek rawatan serta pemulihan pesakit-pesakit mental selain merancang program-program latihan kejururawatan psikiatri. Dr. W.F. Samuels berkhidmat selama hampir 20 tahun sebagai *Medical Superintendent* sehingga bersara pada tahun 1931 pada usia 55 tahun.

Sebagai seorang pentadbir yang berwibawa, keutamaan Dr. W.F. Samuels bukan saja menjurus terhadap aspek pemulihan pesakit-pesakit mental, beliau turut menyedari kepentingan serta keperluan dari aspek pembangunan sumber manusia terutama melibatkan kakitangan hospital termasuklah program perubatan dan latihan kejururawatan. Peningkatan bilangan pesakit mental yang begitu ketara menyebabkan terdapatnya keperluan mendesak terhadap kepakaran dan kebolehan serta kecekapan kakitangan untuk mengendalikan rawatan dan proses pemulihan pesakit-pesakit mental. Justeru, beliau telah mula merangka dan mengendalikan beberapa kursus kejururawatan psikiatri dalam usaha memberikan pendedahan bagi mencapai tujuan tersebut.

Selain memperoleh pengalaman secara langsung daripada beliau dalam penglibatan bersama pesakit-pesakit mental, inisiatif lain termasuklah mengadakan kerjasama dengan Persatuan Perubatan Psikologi DiRaja, London (*Royal Medico-Psychological Association – RMPA*) untuk peperiksaan Sijil Kejururawatan Psikologi (*Mental Nursing Certificates*). Kertas-kertas soalan peperiksaan akan disediakan di England manakala kakitangan hospital akan menduduki peperiksaan tersebut di Tanah Melayu. Selain itu, penguasa kesihatan British di Semenanjung Tanah Melayu turut memberikan kebenaran kepada Dr. W.F. Samuels untuk menjadikan hospital tersebut sebagai tempat latihan kejururawatan. Justeru, pegawai-pegawai perubatan dari seluruh negeri Perak akan menjalani kursus jangka pendek di hospital ini sebagai pendedahan awal mengenai aspek latihan dalam bidang psikiatri.

Usaha yang dirintis oleh Dr. W.F. Samuels telah membolehkan kakitangan hospital mendapatkan latihan dengan lebih mudah serta teratur tanpa mengabaikan tanggungjawab menjalankan tugas seharian bagi merawat pesakit-pesakit mental. Menjelang tahun 1948, peperiksaan RMPA telah ditukarkan kepada '*Registered Mental Nurse Certificate*' (RMN) yang dikendalikan sepenuhnya oleh '*General Nursing Council for England and Wales*' dan sijil ini diterimapakai oleh negara-negara Komanwel sebagai pengiktirafan terhadap latihan kejururawatan psikiatri. Oleh itu, inisiatif awal yang dilaksanakan oleh Dr. W.F. Samuels ini telah menjadi batu loncatan terhadap aspek latihan perubatan dan kejururawatan dalam bidang psikiatri di Semenanjung Tanah Melayu.

### ***Bilangan pesakit mental Central Lunatic Asylum Tanjong Rambutan***

Penguatkuasaan aspek perundangan masalah penyakit mental menjadi indikator utama pelaksanaan perkhidmatan kesihatan mental di Semenanjung Tanah Melayu. Terdapat dua kaedah kemasukan seseorang individu yang disyaki menghadapi masalah penyakit mental ke sesebuah institusi rawatan penyakit mental atau *asylum*. Kaedah pertama adalah secara sukarela manakala kaedah seterusnya adalah melalui perakuan oleh pegawai perubatan yang kemudiannya mencadangkan agar seseorang individu itu dimasukkan ke institusi rawatan penyakit mental setelah mengemukakan laporan pemeriksaannya mengenai individu tersebut.

Selain itu, terdapat juga dalam kalangan pesakit mental yang dikategorikan sebagai *criminal lunatic* iaitu mereka yang terlibat dalam kegiatan jenayah di bawah *Criminal Prosedure*

*Code (CPO)* dan diarahkan oleh mahkamah untuk menjalani pemeriksaan mental dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Kedua-dua kaedah tersebut digunapakai sebagai prosedur kemasukan ke institusi rawatan penyakit mental bagi individu-individu yang dipercayai mengalami masalah kecelaruan mental untuk mendapatkan rawatan serta menjalani proses pemulihan dalam jangka masa tertentu. Justeru, bilangan pesakit mental yang terdapat di *Central Lunatic Asylum Tanjong Rambutan* semakin menunjukkan peningkatan dari masa ke masa kesan pembangunan sosioekonomi di NNMB.

Sebagai seorang pengasas dan peneraju *asylum*, cabaran paling ampuh yang terpaksa dihadapi oleh Dr. W.F. Samuels ialah *chronic state of overcrowding*<sup>2</sup> iaitu bilangan pesakit-pesakit mental yang terlalu ramai melebihi daripada bilangan katil yang terdapat di wad-wad *asylum* (Jadual 1).

**Jadual 1. Bilangan katil dan pesakit mental, Disember 1911 hingga 1913.**

Tahun	Bilangan katil	Bilangan pesakit mental	Lebih pesakit mental
Disember 1911	280	287	-8
1912	280	359	-79
1913	493	520	-27

Sumber: Perak (1913), Administrative Report 1912 in Federated Malay States Annual Departmental Reports, 1912 dan Perak (1914), Administrative Report 1913 in Federated Malay States Annual Departmental Reports, 1913.

Berdasarkan Jadual 1, bilangan lebih pesakit mental yang paling tinggi direkodkan adalah pada tahun 1912 iaitu sebanyak 79 orang kerana terdapat seramai 359 orang pesakit berbanding hanya 280 buah katil yang disediakan. Manakala pada tahun 1913 pula lebih pesakit yang dicatatkan ialah 27 orang berbanding keseluruhan bilangan pesakit sebanyak 520 orang serta bilangan katil yang berjumlah 493 buah. Justeru, pihak pentadbiran hospital telah mengemukakan cadangan untuk membina wad-wad sementara bagi menampung bilangan pesakit yang ramai.

Untuk tujuan tersebut, bajet sebanyak \$12 000.00 telah diperuntukan bagi tujuan tersebut dan sebanyak empat buah wad sementara akan dibina dengan kos sebanyak \$8 400.00 merangkumi bilik mandi serta bilik air dan pagar besi.<sup>3</sup> Peningkatan bilangan pesakit mental di *asylum* ini menyebabkan keperluan terhadap penyediaan tempat untuk pesakit-pesakit mental telah menjadi satu menjadi keutamaan. Seterusnya, pada tahun 1913 beliau juga merancang menambah lagi bilangan wad bagi menyediakan masing-masing sekurang-kurangnya 200 dan 30 katil tambahan untuk pesakit mental lelaki dan pesakit mental wanita. Selain itu, *asylum* ini turut menerima kemasukan 70 orang pesakit mental dari *Singapore Lunatic Asylum*.

Peningkatan ketara bilangan pesakit mental dapat dilihat pada tahun 1914 iaitu terdapat seramai 297 orang pesakit mental lelaki dan 89 orang pesakit mental wanita berbanding hanya terdapat kira-kira 45 orang pesakit mental yang terdiri daripada 30 orang pesakit mental lelaki dan selebihnya wanita ketika pembukaan *asylum* pada tahun 1911. Justeru, berdasarkan kepada trend peningkatan bilangan pesakit mental, dikhuatiri dalam tempoh masa dua tahun akan datang kapasiti *asylum* ini tidak akan berupaya untuk menampung pertambahan bilangan pesakit mental. Kebimbangan ini menyebabkan Dr. W.F. Samuels merancang melaksanakan projek tambahan bangunan *asylum* di samping turut menyatakan kebimbangannya terhadap situasi pesakit-pesakit mental yang masih lagi ditempatkan di wad-wad sementara pada tahun 1915. Walau bagaimanapun, cadangan pembesaran *asylum* ini tidak dapat dilaksanakan dan perlu ditangguhkan '*until finances allowed of further expenditure in Tanjong Rambutan*'.<sup>4</sup>

Sebagai sebuah institusi rawatan utama masalah penyakit mental, *asylum* ini menerima pesakit-pesakit mental daripada NNMB, Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB) dan Singapura. Pada tahun 1917 seramai 128 orang pesakit mental daripada *Kuala Lumpur Lunatic Asylum* telah dipindahkan dan menjelang 31 Disember 1924, terdapat seramai 1 320 orang pesakit mental terdiri daripada 1 032 orang pesakit lelaki dan 288 orang pesakit wanita yang menerima rawatan di *asylum* ini.<sup>5</sup> Pemandahan pesakit-pesakit mental adalah berdasarkan kepada peruntukan undang-undang yang sedang dikuatkuasakan. Contohnya, terdapat kes pemindahan seorang pesakit mental Tamil bertarikh 12 Jun 1923 iaitu Perumal yang dikategorikan sebagai seorang '*criminal lunatic*' kerana kesalahan mencuri yang telah dilakukannya di Kajang pada 31 Mei 1923. Pesakit mental ini menjalani hukuman penjara selama tiga minggu di penjara Pudu, Kuala Lumpur dan dipindahkan ke *Central Lunatic Asylum Tanjong Rambutan* untuk rawatan susulan.

Laporan perubatan mendiskripsikan Perumal sebagai '*his manner is foolish, aimless and restless, he used abusive language and habita dirty. Cannot tell how long he has been in this country*'. Justeru, pemindahan pesakit ini dilakukan selaras dengan Seksyen 15 (ii) *Prison Enactment No. 12 tahun 1907* dan Seksyen 33 (1) dan (2) *Lunatic Asylums Ordinance 1920* iaitu;

*33-(1) Any lunatic may be removed from any asylum established by Government, to any asylum within the Colony in accordance with any general or special order of Colonial Secretary.*

*(2) The Colony Secretary may make such general or special order as he thinks fit directing the removal of any person for whose confinement an order has been made under section 351 or section 356 of the Code of Criminal Procedure, 1910, from the place where he is for the time being confined, to any asylum, jail or other place of safe custody in the Colony.*

Selain itu, status kesihatan terperinci seseorang pesakit mental perlu disertakan semasa proses pemindahan pesakit-pesakit mental dengan pengesahan oleh Pegawai Perubatan bertauliah melalui *Medical Certificate*, selaras dengan peruntukan perundangan *Lunatic Asylum Ordinance 1920*, Bahagian 2 Seksyen 17 (1) dan (2);

*17-(1). Every medical certificate under this Ordinance shall be made and signed by a registered medical practitioner or a medical officer, as the case may be and shall be in the form prescribed.*

*(2). Every medical certificate shall state the facts upon which the person certifying has formed his opinion that the alleged lunatic is a lunatic, distinguishing facts observed by him from facts communicated by others; and no reception order on petition shall be made upon a certificate founded only upon facts communicated by others.*

Aspek perundangan masalah penyakit mental turut mewajibkan kewujudan sebuah Lembaga Pelawat (*Board of Visitors*) berperanan dalam memastikan keberkesanan fungsi *Central Lunatic Asylum Tanjong Rambutan* sebagai sebuah institusi rawatan penyakit mental. Bidang kuasa *Board of Visitors* diperuntukkan melalui *Lunatic Asylums Ordinance 1920* dan *Mental Disorders Ordinance 1934* melalui Seksyen 29(2) dan (3) serta Seksyen 30. Manakala, Bahagian 3 undang-undang 1920 mengenai aspek penjagaan dan rawatan telah diperuntukkan kedudukan dan kuasa lembaga ini melalui Seksyen 26 (1) dan (2) dan Seksyen 27.

Oleh itu, *Board of Visitors* perlu mengadakan lawatan ke *asylum* sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh masa sebulan bagi memastikan status terkini pesakit-pesakit mental selain memberi perakuan tentang pesakit-pesakit mental yang telah disahkan sembuh dan dibenarkan keluar (*discharge*). Selain itu, *Board of Visitors* juga perlu mengemukakan laporan, komen serta cadangan

untuk meningkatkan keberkesanan fungsi *asylum* sebagaimana yang dinyatakan melalui Seksyen 26 dan 27 *Lunatic Asylums Ordinance 1920*;

*26-(1). The Governor shall appoint for every asylum not less than three visitors, one of whom at least shall be a medical officer.*

*(2) The Inspector of Prisons shall ex-officiobe a visitor of all asylums in the Colony.*

*(27). Two or more of the visitors, one of whom shall be a medical officer, shall once at least every month together inspect every part of the asylum of which they are visitors, and see and examine, as far as circumstances will permit, every lunatic therein and the order and certificate for the admission of every lunatic admitted since the last visitation, and shall enter in a book to kept for that purpose any remarks which they may deem proper in regard to the management and condition of the asylum and inmates thereof.*

Peningkatan bilangan pesakit mental yang menerima rawatan di *asylum* ini menunjukkan peningkatan dari tahun 1928 hingga 1930. Pada masa yang sama, *asylum* ini telah mula dikenali sebagai *Central Mental Hospital* bermula pada tahun 1928. Terdapat seramai 2 211 orang pesakit mental ditempatkan di hospital ini pada tahun tersebut<sup>6</sup> dan meningkat menjadi 2 588 pada tahun 1930, iaitu peningkatan seramai 377 orang pesakit atau 17.05% (Jadual 2).

**Jadual 2. Bilangan pesakit mental, 1928 hingga 1930**

Negeri	1928		1929		1930	
	L	P	L	P	P	P
<b>Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB)</b>						
	1 418	444	1 434	502	1 602	530
<b>Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB)</b>						
Kedah	151	37	173	41	192	55
Kelantan	11	37	10	3	9	9
Perlis	12	5	13	6	13	6
<b>Wad kelas 1 (Eropah)</b>						
	5	1	1	3	1	3
<b>Criminal Wards</b>						
	129	1	154	4	170	4
<b>JUMLAH</b>	<b>1 726</b>	<b>491</b>	<b>1785</b>	<b>559</b>	<b>1987</b>	<b>601</b>

(L-Lelaki, P-Perempuan)

Sumber: Federated Malay States Annual Report of the Medical Department, 1930.

Berdasarkan Jadual 3, sejumlah 2 588 orang pesakit mental direkodkan pada tahun 1930 terdiri daripada 1 987 orang pesakit mental lelaki dan selebihnya seramai 601 orang pesakit mental wanita. Daripada jumlah tersebut, sebahagian besar pesakit mental berasal daripada NNMB iaitu pada tahun 1928 mencatatkan seramai 1 862 orang pesakit mental meningkat menjadi 2 132 orang pada tahun 1930 iaitu peningkatan sebanyak 270 orang atau 14.05%. Selain itu, terdapat juga seramai 6 orang pesakit mental Eropah di wad kelas pertama pada tahun 1928 dan berkurangan kepada 4 orang pada tahun 1930.



**Jadual 3. Bilangan kemasukan pesakit mental dari Kedah, 1929 hingga 1935**

Tahun	Bilangan pesakit
1929	59
1930	80
1931	73
1932	59
1933	71
1934	76
1935	93

Sumber: SUK (A) 4131/1354, Report of the Medical and Health Department Kedah and Perlis 1935.

Pesakit-pesakit mental yang dipindahkan daripada hospital NNMTB seperti dari Kedah dan Perlis juga semakin menunjukkan peningkatan. Pada tahun 1930, seramai 247 orang pesakit mental di hospital ini berasal dari Kedah berbanding 188 orang pada tahun 1928, meningkat seramai 59 orang atau 31.38%. Selain itu, berlaku sedikit peningkatan pesakit mental dari Perlis iaitu 19 orang pada tahun 1930 berbanding 17 orang pada tahun 1928. Seterusnya, dalam tempoh antara tahun 1928 hingga 1930, masalah penyakit mental paling tinggi dicatatkan dalam kategori *Confusional Insanity* dan *Primary Dementia* iaitu sebanyak 742 kes, diikuti kategori *Recent Melancholia* sebanyak 426 kes, *Senile Dementia* mencatatkan 279 kes manakala *Recent Mania* merekodkan kes paling rendah iaitu 209 kes.<sup>7</sup>

Bilangan pesakit mental yang menerima rawatan di hospital ini meningkat menjadi 2 506 orang pada tahun 1931 dan pada tahun 1932 pula, meningkat kepada 2 572 orang. Seterusnya, terdapat seramai 2 550 orang pesakit direkodkan pada tahun 1934 dan melonjak menjadi 2 620 pada tahun 1935. Peningkatan bilangan pesakit mental yang ramai mencetuskan kebimbangan pentadbiran hospital terutama pada tahun 1937 kerana terdapat seramai 2 626 orang pesakit pada tahun tersebut. Secara perbandingan, jumlah penduduk di Semenanjung Tanah Melayu pada tahun 1936 dianggarkan seramai 5 juta orang dan mencatatkan hampir 4 500 orang pesakit mental, manakala di Madras, India dengan jumlah penduduk seramai 47 juta orang hanya mempunyai kira-kira 2 000 orang sahaja pesakit mental yang berdaftar di institusi rawatan penyakit mental.

Justeru, pentadbiran British menggesa agar kajian terperinci dilaksanakan untuk mengenalpasti punca peningkatan pesakit mental yang begitu ketara kerana melibatkan perbelanjaan perubatan yang tinggi akibat '*heavy burden on account of lunatics*'.<sup>8</sup> Pada masa yang sama, kes pesakit mental yang ramai dalam kalangan etnik Cina dan India di hospital ini sebanyak 2 132 kes pada tahun 1936 '*...probably reflected the stress on the migrants...*'<sup>9</sup> selain '*each flood of immigration bring in a proportion of potential lunatics, and they remain when the tide turns*'.<sup>10</sup>

Berdasarkan rekod, negeri Kedah merupakan salah sebuah negeri yang konsisten menghantar pesakit-pesakit mental untuk menerima rawatan di hospital ini. Jadual 3 menunjukkan bilangan pesakit mental Kedah yang dipindahkan ke *Central Mental Hospital* dari tahun 1929 hingga tahun 1935;

Berdasarkan Jadual 4, bilangan pesakit mental Kedah yang dipindahkan ke *Central Mental Hospital* dari tahun 1929 sehingga 1935 berjumlah 511 orang dan bilangan tertinggi yang dicatatkan adalah pada tahun 1935 iaitu seramai 93 orang. Pada tahun 1937 pula, terdapat lonjakan bilangan pesakit mental Kedah seramai 285 orang yang terdiri daripada 203 orang pesakit mental lelaki dan selebihnya 82 orang pesakit mental wanita.<sup>11</sup> Terdapat tiga buah hospital di Kedah yang menyediakan wad pesakit mental iaitu Hospital Alor

Setar, Sungai Petani dan Kulim. Pada tahun 1935, terdapat seramai 71 orang pesakit mental lelaki dan 22 orang pesakit mental wanita dipindahkan dengan pesakit mental dari Hospital Alor Setar mencatatkan bilangan sebanyak 48 orang. (Jadual 4).

**Jadual 4. Bilangan pesakit mental dari Kedah, 1935**

Hospital	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Alor Setar	40	8	48
Sungai Petani	16	9	25
Kulim	15	5	20
<b>Jumlah</b>	<b>71</b>	<b>22</b>	<b>93</b>

Sumber: SUK (A) 4131/1354, Report of the Medical and Health Department Kedah and Perlis 1935

***Bilangan pesakit mental mengikut etnik***

Jika diteliti bilangan pesakit mental mengikut etnik, sepanjang tempoh antara tahun 1928 hingga 1930 dapat dilihat sebahagian besar pesakit mental yang berada di *Central Mental Hospital Tanjong Rambutan* terdiri daripada pesakit etnik Cina berbanding pesakit-pesakit mental mengikut etnik yang lain. (Jadual 5 dan Jadual 6) Contohnya, pada tahun 1928, terdapat seramai 412 orang pesakit mental etnik Cina dan angka ini meningkat menjadi 423 orang pada tahun 1930. Berbanding dengan etnik India, ia mencatatkan bilangan pesakit mental kedua tertinggi iaitu seramai 292 orang pada tahun 1928 dan meningkat menjadi 315 orang pada tahun 1930.

**Jadual 5. Bilangan pesakit mental mengikut etnik, 1928 hingga 1930**

Etnik	1928		1929		1930	
	L	P	L	P	P	P
Eropah	7	-	1	-	3	-
Eursian	-	-	2	-	3	2
Cina	312	100	314	95	339	84
India	219	73	247	94	237	78
Melayu	114	16	99	27	104	41
Jawa	3	4	10	13	14	2
Lain-lain etnik	8	2	19	-	16	12
<b>JUMLAH</b>	<b>663</b>	<b>195</b>	<b>692</b>	<b>229</b>	<b>716</b>	<b>219</b>

Sumber: Federated Malay States Annual Report of Medical Department, 1930

Berdasarkan Jadual 6 pula pada tahun 1931, bilangan pesakit mental Cina berjumlah 418 orang dan 393 orang pada tahun 1933 manakala bagi pesakit mental India pula seramai 291 orang pada tahun 1931 dan 226 orang pada 1933. Bilangan pesakit mental yang ramai terutama dalam kalangan etnik Cina dan India disebabkan oleh populasi penduduk yang tinggi terutama di NNMB kesan daripada kemasukan buruh-buruh dari negara China dan India sepanjang tempoh akhir abad ke 19 dan awal abad ke 20.<sup>12</sup> Bagi buruh-buruh Cina terutamanya, faktor ekonomi merupakan tujuan utama penghijrahan mereka ke Semenanjung Tanah Melayu berkaitan faktor kemiskinan,

pertambahan bilangan penduduk serta pengangguran, bencana alam dan ketidakadilan sosial serta pentadbiran terutama sekali yang berlaku di bahagian Selatan negara China.<sup>13</sup>

Walaupun tujuan asal kedatangan buruh-buruh ini adalah untuk keluar dari kemiskinan di negara asal dan mencari penghidupan yang lebih baik, tetapi terdapat segelintir daripada mereka yang gagal untuk menyesuaikan diri dengan situasi terkini di Semenanjung Tanah Melayu setelah berhijrah dari negara asal. Terdapat sebilangan kecil buruh berhadapan dengan sindrom pasca penghijrahan (*post migration syndrome*) termasuklah menghadapi masalah kewangan, kegagalan berasimilasi dengan budaya tempatan serta berlakunya penyisihan sosial.<sup>14</sup> Gejala-gejala negatif yang dihadapi oleh buruh-buruh ini akan menyebabkan kesan psikologi secara ketara serta berlakunya perubahan tingkahlaku. Fenomena ini berlanjutan dalam suatu jangka masa yang panjang mengakibatkan tekanan (*depression*) dan berpotensi untuk menghadapi masalah penyakit mental.

**Jadual 6. Bilangan pesakit mental mengikut etnik, 1931 hingga 1933**

Etnik	1931		1932		1933	
	L	P	L	P	P	P
Eropah	-	-	-	-	-	-
Eursian	1	-	2	1	1	-
Cina	309	109	267	91	285	108
India	201	90	198	86	159	67
Melayu	116	32	113	33	115	42
Jawa	8	10	6	7	-	-
Lain-lain etnik	5	6	1	2	7	3
<b>JUMLAH</b>	<b>640</b>	<b>247</b>	<b>587</b>	<b>220</b>	<b>567</b>	<b>220</b>

Sumber: Federated Malay States Annual Report of Medical Department 1933.

Berbanding pesakit mental Melayu, bilangan pesakit yang direkodkan agak rendah berbanding etnik Cina dan India itu seramai 145 orang pada tahun 1930 dan 157 orang pada tahun 1933. Walaupun dilihat berlakunya peningkatan bilangan pesakit mental Melayu sepanjang tempoh antara 1930 hingga 1933, namun peningkatan tersebut tidaklah terlalu drastik jika dibandingkan dengan kaum Cina dan India. Hal ini memandangkan masyarakat Melayu masih lagi meletakkan kepercayaan yang tinggi terhadap kaedah rawatan penyakit mental secara tradisional seperti menggunakan khidmat dukun, pawang atau bomoh selain berhadapan dengan stigma serta pandangan negatif tentang masalah penyakit mental.<sup>15</sup>

Lazimnya berlaku penyisihan dalam keluarga mahu pun masyarakat terhadap pesakit-pesakit mental dan akibatnya usaha untuk mendapatkan rawatan yang lebih baik bagi pesakit-pesakit ini agak sukar untuk dilaksanakan. Namun pada masa yang sama, tidak boleh dinafikan bahawa terdapatnya kesedaran dalam kalangan masyarakat Melayu untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang moden sebagai pendekatan untuk merawat masalah penyakit mental.

Persaraan Dr. W.F. Samuels pada tahun 1931 menyaksikan jawatan *Medical Superintendent Central Mental Hospital* diambil alih oleh Dr. J.W. Murdoch dan beliau dibantu oleh beberapa orang pakar psikiatri seperti Dr. Smith, Dr. Fitzpatrick, Dr. Logan, Dr. Goldberg dan Dr. R.A. MacNab. Menjelang tahun 1934 terdapat seramai 16 orang kakitangan bertugas di bawah pentadbiran Dr. J.W. Murdoch dengan bilangan pesakit mental seramai 2 550 orang sebelum meningkat menjadi 2 620 orang pada tahun 1935. Pertambahan bilangan pesakit menyebabkan bilangan wad bertambah menjadi 42 buah wad pesakit mental lelaki manakala 23 wad pesakit

mental wanita. Pada tahun 1941, terdapat seramai 3 197 orang pesakit mental yang masih menerima rawatan di hospital ini berbanding seramai 3080 orang pada tahun 1938. (Jadual 7).

**Jadual 7. Bilangan pesakit mental di *Central Mental Hospital*, 1938 hingga 1941**

Tahun	Bilangan pesakit	Pesakit 'discharge'	Kematian
1938	3 080	781	275
1939	3 133	-	344
1940	-	-	-
1941	3 197	-	-

Sumber: Dipetik daripada Tai-Hwang Woon, *Central Mental Hospital Tanjong Rambutan 1939-1947*, dlm. Nathaniel N. Wanger and Eng-Seong Tan (ed), *Psychological Problems and Treatment in Malaysia*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1971, hlm. 38.

Penguasaan Jepun di Semenanjung Tanah Melayu sehingga tahun 1945 telah memburukkan keadaan perkhidmatan kesihatan mental buat seketika kerana tumpuan utama pentadbiran tentera Jepun adalah untuk mengukuhkan kedudukan ketenteraan. Kepedulian pentadbiran tentera Jepun terhadap aspek perubatan dan perkhidmatan kesihatan di Semenanjung Tanah Melayu berada pada tahap yang amat membimbangkan. Sungguhpun kawasan hospital ini diisytiharkan sebagai 'kawasan bebas perang',<sup>16</sup> tetapi bekalan makanan yang amat terhad<sup>17</sup> serta kekurangan ubat-ubatan mengakibatkan berlakunya bilangan kematian yang begitu tinggi dalam kalangan pesakit-pesakit mental kerana berdasarkan rekod, didapati lebih kurang 3 346 orang pesakit mental telah meninggal dunia dalam tempoh antara tahun 1942 hingga 1944.<sup>18</sup>

### ***Kaedah rawatan dan pemulihan pesakit-pesakit mental***

Salah satu kaedah rawatan dan pemulihan yang diperkenalkan oleh Dr. W.F. Samuels adalah *Occupational Therapy*. Kaedah yang dipelopori pada tahun 1912 ini merupakan pendekatan psikologi secara langsung terhadap pesakit-pesakit mental yang sedang mendapatkan rawatan. Sebagai seorang *Medical Superintendent*, Dr. W.F. Samuels berkeyakinan pesakit-pesakit mental berupaya untuk kembali normal sekiranya proses pemulihan yang dilaksanakan berfokus kepada aspek psikologi dan perkembangan tingkahlaku melalui program serta aktiviti yang disediakan. Pelaksanaan aktiviti fizikal boleh membantu pesakit-pesakit mental mengawal emosi dengan memberikan fokus kepada aktiviti yang dilakukan di bawah pengawasan kakitangan hospital.

Salah satu pendekatan utama *Occupational Therapy* ialah aktiviti pertanian dan penternakan yang dilaksanakan oleh pesakit-pesakit mental. Aktiviti ini membolehkan penghasilan bekalan makanan seperti daging serta sayur-sayuran untuk keperluan harian pesakit-pesakit mental dan kakitangan selain membantu menjimatkan kos pentadbiran. Selain itu, *Occupational Therapy* melibatkan aktiviti sukan dan permainan, menonton filem, kelas menjahit pakaian, kemahiran pertukangan kayu serta kraftangan. Pelaksanaan aktiviti seperti ini berupaya meningkatkan keyakinan diri pesakit-pesakit mental, semangat berdikari dan sebagai persediaan melakukan pekerjaan setelah keluar dari *asylum*. Keadaan ini memandangkan wujudnya stigma mengenai masalah penyakit mental dalam kalangan sesetengah anggota masyarakat yang menyisihkan bekas pesakit mental dengan pelbagai tanggapan negatif.

Justeru, seluas 373 ekar tanah telah diperuntukkan bagi aktiviti pertanian dan penternakan bermula tahun 1912. Terdapat lebih kurang 20 buah ladang dan setiap ladang mempunyai keluasan sekitar 10 ekar tanah diusahakan dengan jenis tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan serta penternakan. Menjelang tahun 1915, kesemua ladang ini dapat diusahakan sepenuhnya dan memberikan hasil kepada pihak hospital dan untuk tujuan kegunaan pesakit-pesakit mental. Terdapat ladang yang di khususkan bagi tanaman buah-buahan seperti pisang, nenas, betik, mangga, rambutan, manggis, kacang Brazil dan kelapa selain ladang ternakan ayam yang berjumlah lebih kurang 400 hingga 500 ekor dan turut membekalkan sebanyak 80 hingga 100 biji telur sehari untuk keperluan pesakit dan kakitangan. Begitu juga terdapat dua buah ladang ternakan lembu susu dan dapat membekalkan secara purata 60 hingga 70 *pints* sehari untuk kegunaan hospital, serta masing-masing sebuah ladang ternakan babi kira-kira 300 hingga 400 ekor untuk kegunaan pesakit-pesakit mental Cina dan ternakan kambing kira-kira 200 hingga 300 ekor.

Tambahan pula, kehadiran pegawai veterinar membuat pemeriksaan sebanyak dua kali sebulan ke ladang-ladang ternakan dapat memastikan binatang ternakan berada dalam keadaan baik dan tidak dijangkiti sebarang penyakit. Menjelang tahun 1925, jumlah hasil pendapatan melalui aktiviti pertanian dan penternakan ini dianggarkan berjumlah \$ 45 480.63.00.<sup>19</sup> Program *Occupational Therapy* terbukti telah mencapai kejayaan memandangkan '*the farm have thus proved their worth from an economic point of view as well as providing an excellent form of Occupational Therapy*'.<sup>20</sup> Seandainya langkah-langkah yang lebih efektif dilaksanakan bagi memastikan ladang-ladang pertanian dan penternakan kekal berdaya saing, ia bukan sahaja berupaya membekalkan makanan untuk kegunaan domestik *asylum*, tetapi '*they would be able to produce fruit and vegetables sufficient to supply all the hospitals in Perak*'.<sup>21</sup>

Selain itu, proses pemulihan pesakit-pesakit mental turut mempraktikkan kaedah *Psychotherapy* melalui aktiviti seperti tayangan filem-filem. Selain itu, program sukan tahunan dalam kalangan pesakit-pesakit mental turut diperkenalkan bermula pada tahun 1927 melibatkan permainan bola sepak dan hoki serta acara olahraga telah mendapat sambutan menggalakkan daripada pesakit-pesakit mental serta kakitangan *asylum*. Seterusnya pada akhir tahun 1934 pula di bawah pentadbiran Dr. J.W. Murdoch sebagai *Medical Superintendent* bermula pada 21 Mac 1931 telah memperkenalkan kaedah *Intravenous Injection of Acriflavine*<sup>22</sup> bagi tujuan memulihkan keadaan fizikal pesakit-pesakit mental di samping memberikan penekanan terhadap aspek pemulihan mental.

## Kesimpulan

Perkembangan sosioekonomi pada awal abad ke-20 menyaksikan pelbagai bentuk perubahan serta pembaharuan lanskap fizikal di Semenanjung Tanah Melayu termasuklah dari aspek perkhidmatan perubatan dan kesihatan. Justeru, pembukaan *Central Lunatic Asylum Tanjong Rambutan* pada tahun 1911 merupakan natijah daripada desakan-desakan yang mula kedengaran akibat berlakunya peningkatan bilangan pesakit mental. Pembukaan institusi ini merupakan usaha berterusan pihak berkuasa kesihatan British bagi membina keyakinan serta melaksanakan tanggungjawab menyediakan kemudahan rawatan dan membantu proses pemulihan pesakit-pesakit mental.

Pelbagai perkembangan serta pembaharuan yang telah dilakukan oleh Dr. W. F. Samuels dalam tempoh 20 tahun sebagai *Medical Superintendent* pertama bagi *asylum* ini sehingga tahun 1931 sebelum bersara pada usia 55 tahun. Sebagai *Medical Superintendent*, beliau telah banyak membawa perubahan terhadap *asylum* ini terutama dari aspek fizikal termasuklah penambahan wad pesakit-pesakit mental serta pembesaran kawasan hospital. Selain itu, program *Occupational Therapy* yang mula diperkenalkan pada tahun 1912 sebagai salah satu kaedah pemulihan pesakit

mental telah memberikan impak berkesan selain pengenalan acara sukan tahunan dalam kalangan pesakit mental bermula pada tahun 1927.

Begitu juga dengan penubuhan *Samuel's Club* yang disifatkan sebagai salah satu mercu tanda *asylum* ini telah menjadi lokasi pertemuan orang-orang Eropah melakukan aktiviti sosial dan riadah. Seterusnya, perjenamaan semula *Central Lunatic Asylum Tanjong Rambutan* kepada *Central Mental Hospital Tanjong Rambutan* pada tahun 1928 merupakan pencapaian ulung Dr. W.F. Samuels sepanjang menjalankan tanggungjawab sebagai *Medical Superintendent*. Perkembangan ini jelas membuktikan pencapaian beliau sebagai pengasas-peneraju *Central Lunatic Asylum Tanjong Rambutan* dalam memberikan sumbangan sebagai sebuah institusi rawatan masalah penyakit mental di Semenanjung Tanah Melayu terutamanya sebelum Perang Dunia Kedua.

## Nota hujung

---

<sup>1</sup> H.C.O. 1400/1919, Dr. J.A. Taylor Medical Officer, Uganda. Appt as Asst. Medical Superintendent, Central Lunatic Asylum, FMS dan H.C.O. 1864/1919, Dr. J.A. Taylor His Appointment as Asst. Medical Superintendent, Central Lunatic Asylum.

<sup>2</sup> H.C.O. No. CH. SEC. 1098/1912, Erection of Temporary wards to relieve overcrowding at the Central Lunatic Asylum.

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> H.C.O. No. CH. SEC. 2390/1915, Extra Accommodation for FMS Lunatic Patients at the Central Lunatic Asylum.

<sup>5</sup> Federated Malay States by R. Downen, Annual Report on the Medical Department for the year 1924.

<sup>6</sup> T.H. Woon, A History of Psychiatry in Peninsular Malaysia, 1830-1975, *Medical Journal of Malaysia*, Vol. XXXII, No. 3, March 1978, hlm. 259.

<sup>7</sup> Federated Malay States Annual Report of Medical Department 1930.

<sup>8</sup> Straits Settlement and Federated Malay States, Annual Report of the Medical Department 1937.

<sup>9</sup> T.H. Woon, A History of Psychiatry in Peninsular Malaysia, 1830-1975, *Medical Journal of Malaysia*, Vol. XXXII, No. 3, March 1978, hlm. 260.

<sup>10</sup> Straits Settlement and Federated Malay States, Annual Report of the Medical Department 1937.

<sup>11</sup> Kedah and Perlis Annual Report of the Medical Department 1937.

<sup>12</sup> Chan Hon-Chan, *The Development of British Malaya 1896-1909*, Oxford University Press, London, 1967, hlm. 126-127.

<sup>13</sup> K.G. Tregonning, *A History of Modern Malaya*, Eastern Universities Press Ltd., London, 1964, hlm. 174.

<sup>14</sup> Dinesh Bhugra dan Peter Jones, Migration and Mental illness, *Advance in Psychiatric Treatment*, Vol.7, 2001, hlm. 216.

<sup>15</sup> Rujuk Amber Haque, Culture-bound syndromes and healing practices in Malaysia dlm. *Mental Health, Religion and Culture*, Vol. 11, No.7, November 2008, hlm. 685-696 dan Neil Buhrich, Psychiatry in Peninsula Malaysia dlm. *Australian and New Zealand Journal of Psychiatry*, Vol. 14, 1980, hlm. 302.

<sup>16</sup> Tai-Hwang Woon, Central Mental Hospital Tanjong Rambutan 1939-1947, dlm. Nathaniel N. Wanger and Eng-Seong Tan (ed), *Psychological Problems and Treatment in Malaysia*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1971, hlm. 33.

<sup>17</sup> Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945, A Social and Economic History*, Allen & Unwin, Australia, 1998, hlm. 189.

<sup>18</sup> Buku No.1-Pesakit yang meninggal dunia 3.1.1931 hingga Disember 1963, Unit Kemasukan dan Rekod, Hospital Bahagia Ulu Kinta, Perak.

<sup>19</sup> Sel. Sec. 5006/1926, Annual Report on the Medical Department Selangor for the year 1925.

<sup>20</sup> Federated Malay States Annual Report of Medical Department 1933.

<sup>21</sup> Annual Report of the Medical Department, Straits Settlement and Federated Malay States for the year 1936 by Dr. R.D. Fitzgerald.

<sup>22</sup> Federated Malay States, Annual Report of the Medical Department 1934.

---

## Rujukan

- Amber Haque ed (2001) *Mental Health in Malaysia Issues and Concerns*. University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Amber Haque (2005) Mental Health concepts and program development in Malaysia. *Journal of Mental Health*, 14 (2), 183-195.
- Annual Departmental Report FMS for the year 1905.
- Anthony C C (1971) The Perception of Abnormality in Malay Village. in Nathaniel N. Wagner, Eng-Seong Tan (eds) *Psychological Problems and Treatment in Malaysia*. University of Malaya Press, Kuala Lumpur, hlm. 88-101.
- Chai Hon-Chan (1967) *The Development of British Malaya 1896-1909*. Oxford University Press, London.
- Federated Malay States Annual Report 1899.
- Federation of Malaya. Proceedings of the Legislative Council – March 1952 – February 1953.
- Fletcher W (1907) Rice and Beri-Beri, A Preliminary Report on An Experiment Conducted at the Kuala Lumpur Lunatic Asylum 1905-1906.
- Garraghan GJ (1948) *A Guide To Historical Method*. University Press Book, United States of America.
- Gwee Ah Leng (1971) Traditional Chinese Methods of Mental Treatment. Nathaniel N. Wagner, Eng-Seong Tan (eds) *Psychological Problems and Treatment in Malaysia*. University of Malaya Press, Kuala Lumpur, hlm. 102-114.
- Jagjit Singh Sidhu (1980) *Administration in the Federated Malay States 1896-1920*. Oxford University Press, Kuala Lumpur.
- Lee YK (1992) The Mental Diseases Hospital, Singapore (The First 100 Years) A Short History. *Singapore Medical Journal*, 33, 388.
- Malay States. *British Journal of Psychiatry*, 72, 39-49.
- Manderson L (1999) Public Health Developments in Colonial Malaya; Colonialism and the Politics of Prevention. *American Journal of Public Health*, Vol. 89, No. 1, hlm. 104.
- Manderson L (1996) *Sickness and the State Health and Illness in Colonial Malaya 1870-1940*. Cambridge University Press, London.
- Mohd Yusof Ibrahim (2000) *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian dan Kaedah*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Noraini Mohamed Hassan (2008) *Penyakit Tropika di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu 1896-1914*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nordin Hussin (1995) *Penyelidikan di Arkib*. Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ordinances Governor Straits Settlements Legislative Council, 1934.
- PWD 4977/95, Conversion of Old Goal into Lunatic Asylum Asks provide \$5000 in Estimates 1896.
- PWD 1810/97, Conversion of Old Goal into Lunatic Asylum Request invitation of tenders.
- Proceedings of the Legislative Council of the Straits Settlement 1899.
- Proceedings of the Legislative Council of the Straits Settlements (S. S) 1913.
- Proceedings of the Legislative Council of the Straits Settlements (S. S) 1914.
- Proceedings of the Legislative Council of the Straits Settlements (S. S) 1919.
- Proceedings of the Legislative Council of the Straits Settlements (S. S) 1920.
- Proceedings of the Legislative Council of the Straits Settlements (S. S) Volume 1, 1934.

- 
- Rozeman Abu Hassan (2004) *Mengenali dan Mentafsir Sumber Sejarah*. Kharisma Publications Sdn. Bhd., Shah Alam.
- Sadka E (1996) *The Protected Malay States 1874-1895*. Oxford University Press, Kuala Lumpur.
- Samuels WF (1926) The Story of the Central Mental Hospital, Tanjong Rambutan, Federated Selangor Medical Reports 1904-1909.
- Sel. Sec. 3719/1904, Improvement to Kuala Lumpur Lunatic Asylum.
- Sel. Sec. 1538/1904, Extract from Report by Dr. Gillmore Ellis on the Kuala Lumpur Lunatic Asylum regarding padlocks, bedsteads and improvement of ventilation.
- Sel. Sec. 1498/1920, Lunatics Reception Ordinance 1899 Repealed by Lunatic Asylums Ordinance No.4 of 1920.
- Sel. Sec. 3162/1906, Increase on the number of deaths at the Lunatic Asylum Kuala Lumpur from Beri-beri; something wrong with arrangement of Lunatic Asylum Kuala Lumpur.
- Sel. Sec.1538/1904, Extract from report by Dr. Gillmore Ellis on the Kuala Lumpur Lunatic Asylum regarding padlocks, bedsteads and improvement on ventilation.
- Sel. Sec. 278/1904, Dr. Gillmore Ellis' Report on Lunatic Asylum F.M.S.
- Sel.Sec. 3868/1904, Letter to Resident-General for Lunatic Asylum dan Sel. Sec. 2944/1898, Lunatic Asylum.
- Sel. Sec. 3869/1903, Kuala Lumpur Lunatic Asylum British Resident Negeri Sembilan complains of inadequate accommodation.
- Sel. Sec. 1259/1904, Copy of a letter from the State Surgeon, Selangor on the Subject of the condemnation of the Lunatic Asylum of Selangor by Dr. Ellis.
- Sel. Sec. 3868/1904, Letter to Resident General Lunatic Asylum.
- Sel. Sec. 2417/1899, Heavy Death rate Among the inmates of the Lunatic Asylum.
- Sel. Sec. 278/1904, Dr. Gillmore Ellis' Report on Lunatic Asylum F.M.S.
- Wazir Jahan Karim (1990) *Emotion of Culture A Malay Perspective*. Oxford University Press, Singapore.
- Woon T H (1978) A History of Psychiatry in Peninsular Malaysia, 1830-1975. *Medical Journal Malaysia*, XXXII, ( 3), March, 258-263.